

PM dianugerah Darjah Kerabat Johor Pangkat Pertama

BH - 8/4/2004
- m/s: 7

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (DK I) sempena ulang tahun keputeraan Sultan Johor hari ini, mengetuai senarai 469 penerima darjah dan pingat.

Abdullah akan menghadap dan menerima anugerah pada istiadat penyampaian darjah dan pingat daripada Sultan Johor di Istana Besar di sini hari ini.

Seorang penerima dianugerahkan

Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Kedua (DK II) iaitu Ungku Yusoff Abdul Rahman, menurut senarai penerima darjah dan pingat yang disahkan oleh Pengelola Bijaya Diraja Johor Brig Jen (B) Datuk Ali Musa, yang diedarkan Jabatan Penerangan negeri.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman pula akan menerima Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Pertama (S.P.M.J) yang membawa gelaran Datuk.

Seorang lagi penerima darjah yang

membawa gelaran Datuk ialah William Smith Walker, yang dianugerahkan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Kedua (D.P.M.J).

Empat lagi dianugerahkan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Ketiga (S.M.J) iaitu Panglima 7 Briged, Kem Mahkota, Kluang, Brig Jen Mohamed Rozi Baharom, Komandan Pusat Latihan Tentera Darat, Ulu Tiram, Kol Mohamed Perang Musa, A Ganapathy dari Ladang Mados Lengor, Kahang dan Lt Komander Shaftdean Lufty Rusland.

Seramai 22 orang menerima Pingat Kerana Lama dan Baik Dalam Pekerjaan (P.L.P) termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Razali Mahusin, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Ishak Amin dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Datuk Sheikh A Hardy Ahmad.

Dua orang dianugerahkan Pingat Kerana Jasa dan Lama Dalam Pekerjaan (P.J.P) manakala 379 yang lain dianugerahkan Pingat Ibrahim Sultan Pangkat Kedua (P.I.S II) dan 58 orang lagi Pingat Ibrahim Sultan

Pangkat Ketiga (P.I.S III).

Antara penerima P.I.S II ialah pegawai Bahagian Rancangan Jabatan Penerangan Kawasan Selatan, Taroni Abdul Khalid; Ketua Kerani Jabatan Penerangan Johor, Zakaria Shariff; Pembantu Pegawai Penerangan Daerah Batu Pahat, Ahmad Jofri Ahmad Sulaiman dan usahawan, Ahmad Kemin.

Antara penerima P.I.S III ialah Juru foto Jabatan Penerangan Johor, Jasman Sawal dan dua Juru Audio Visual Jabatan Penerangan, Abdul Razak Shamsuddin dan Idris Abas. - Bernama